



Rujukan : UKM KPD.BPA.600-4/3/2  
Tarikh : 9 Mei 2023

Semua Pelajar Berdaftar  
Program Prasiswazah  
FEP dan FPI  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

### PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2022-2023

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 3 Sesi Akademik 2022-2023 akan **bermula pada 7 Ogos 2023**.

Sehubungan itu, disertakan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

BIL	PERKARA
1.	Pendaftaran kursus awal akan bermula <b>22-28 Mei 2023</b> secara dalam talian melalui laman web <a href="https://smplucee.ukm.my/smpe">https://smplucee.ukm.my/smpe</a> . Sila rujuk tarikh penting di web UKMShape sebagai panduan.
2.	Sila rujuk penawaran kursus yang ditawarkan oleh fakulti di laman web <a href="https://www.ukm.my/ukmshape/">https://www.ukm.my/ukmshape/</a> . Sila klik pada menu pendaftaran awal untuk mendaftar kursus di SMPE.
3.	Pelajar yang berada dalam kategori Lulus Bersyarat (ALB) pada Semester 1 Sesi Akademik 2022-2023 tidak dibenarkan mendaftar pada Semester 3 ini.



### PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4073 Faks: +603-8925 1391 E-mel: [pghkmbgn@ukm.edu.my](mailto:pghkmbgn@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/ukmshape](http://www.ukm.my/ukmshape)

4.	<p>Syarat-syarat pendaftaran Semester 3 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pendaftaran untuk Semester 3 Sesi Akademik 2022-2023 adalah <b>DIWAJIBKAN</b> oleh pihak fakulti;</li> <li>ii. Pelajar dibenarkan mengambil <b>TIDAK MELEBIHI DUA (2)</b> kursus sahaja, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada fakulti;</li> <li>iii. Pelajar hanya boleh gugur kursus semasa minggu pendaftaran kursus sahaja (<b>14 - 20 Ogos 2023</b>);</li> <li>iv. Tarik diri kursus boleh dilakukan sehingga minggu ke-5 perkuliahan iaitu dari <b>21 Ogos - 10 September 2023</b> dan akan diberikan gred TD;</li> <li>v. Gred yang diperolehi bagi kursus Semester 3 akan diambilkira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada semester berikutnya (Semester 1 Sesi Akademik 2023-2024);</li> <li>vi. Tempoh pengajian Semester 3 tidak diambilkira bagi menentukan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk keperluan ijazah;</li> </ul>
----	--

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila emel kepada Unit Pengurusan Program & Rekod Pelajar di alamat [uppppkp@ukm.edu.my](mailto:uppppkp@ukm.edu.my).

Sekian, harap maklum.

Yang benar,



**PROF. MADYA DR. FARIZA KHALID**

Timbalan Pengarah I  
Akademik dan Pengembangan Program

s.k. - Ketua Unit Pengurusan Program & Rekod Pelajar



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

**PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN**

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4073 Faks: +603-8925 1391 E-mel: [pghkmbgn@ukm.edu.my](mailto:pghkmbgn@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/pkp](http://www.ukm.my/pkp)

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)